

14 JAN 1999

MAHATHIR-PERTUMBUHAN

UNJURAN PERTUMBUHAN SATU PERATUS TIDAK AKAN DISEMAK, KATA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa Malaysia tidak akan menyemak dan menaikkan unjuran kadar pertumbuhan ekonomi yang dianggarkan bagi tahun 1999 kerana negara ini lebih pasti tentang pertumbuhan satu peratus.

Katanya tidak perlu bagi Malaysia berbuat demikian meskipun terdapat kemungkinan pertumbuhan yang lebih tinggi.

"Kita rasa memang ada kemungkinan (pertumbuhan lebih tinggi) tapi kita lebih pasti tentang pertumbuhan satu peratus," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa perhubungan UMNO Kelantan di sini hari ini.

Dr Mahathir telah diminta mengulas tentang laporan oleh beberapa ahli ekonomi bahawa ekonomi Malaysia akan tumbuh antara 2.0 dan 2.5 peratus bagi tahun 1999.

Beliau berkata beliau ingin tahu kenapa ahli-ahli ekonomi ini berpendapat bahawa Malaysia akan mengalami kadar pertumbuhan yang melebihi satu peratus.

-- BERNAMA

MNY KY MA